

Headline **SK Tun Abdul Razak dapat 10 komputer**
Date **28 Apr 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **L-8**
Article Size **188 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,988**
PRValue **11,964**



SK Tun Abdul Razak dapat 10 komputer

KUALA KUBU BHARU: Pelajar Orang Asli di Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Razak di sini, mendapat perhatian Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) apabila menerima sumbangan sepuluh unit komputer.

Komputer itu yang dibekalkan dengan aplikasi Intelligent Service Delivery Platform (iSDP) yang dipatenkan Mimos adalah perisian berasaskan web yang mesra pengguna dan mudah digunakan.

Sumbangan disampaikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili pada majlis penyerahan khas dianjurkan bersama TPM, Mimos dan SK Tun Abdul Razak.

Dr Maximus berkata, iSDP adalah platform ideal bagi guru dan pelajar SK Tun Abdul Razak memperkayakan pengalaman pembelajaran menerusi pelbagai maklumat terkini.

Untuk itu guru dan pelajar boleh mengambil kesempatan mengemukakan idea kreatif dan inovatif melalui program "Malaysia Inovatif 2010" atau MI2010 yang diterajui MOSTI, katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Mohd Azman Shahidin, berkata sumbangan itu adalah salah satu tanggungjawab sosial

korporat bagi meningkatkan kesedaran dan keupayaan pengetahuan ICT, kreativiti dan inovasi di kalangan pelajar Orang Asli di sekolah berkenaan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah pula berkata, memasang iSDP untuk sekolah itu adalah sebahagian usaha Mimos dalam memastikan semua inovasi dihasilkan dapat memberi impak kepada masyarakat dan memperkaya pengalaman pembelajaran seumur hidup.

Dengan teknologi mashup (aplikasi hibrid) Mimos yang dapat membawa maklumat terus kepada pengguna dengan sekali klik, iSDP bakal membekalkan maklumat khusus terus kepada para pendidik dan pelajar.



MAXIMUS (tengah) mencuba aplikasi iSDP di makmal komputer.